

Kos pembinaan membabitkan RM200 juta di tanah seluas 24.28 hektar di Nilai

# USIM tubuh fakulti, hospital sendiri

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI  
utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 15 Jun – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bercadang membina Fakulti Perubatan dan Kesihatan selain mewujudkan hospital sendiri di Nilai dalam tempoh terdekat.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, setakat ini pihaknya telah membeli tanah seluas 24.28 hektar untuk pembangunan fakulti berkenaan yang terletak berhampiran dengan kampus induk di Nilai.

Katanya, pihaknya kini menunggu kelulusan kerajaan untuk memulakan pembinaan hospital tersebut yang dianggarkan bernilai RM200 juta di tapak yang baru dibeli oleh USIM.

“Beberapa buah hospital akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan kita berharap salah sebuah daripadanya adalah hospital USIM.

“Perkara ini sedang dalam perbincangan kerana ketika ini Fakulti Perubatan beroperasi di luar kawasan kampus induk iaitu di Pandan Indah Kuala Lumpur dan menyebabkan kos pengurusan yang tinggi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Kecemerlangan dan Inovasi USIM di sini hari ini.

Pada majlis yang turut dihadiri Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda itu, universiti berkenaan turut melakar sejarah apabila menjadi satu-satunya institusi pengajian tinggi yang menerima sijil MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 berdasarkan pe-

“Kita mahukan sebuah bangunan yang moden bagi hospital tersebut iaitu menjimatkan kos dan perbelanjaan itu boleh diguna untuk membeli peralatan perubatan yang terkini

– DR. MOHAMAD YUSOF NOOR  
Pengerusi Lembaga Pengarah USIM

ngurusan kualiti mengikut perspektif Islam.

Wakil SIRIM, Haliza Ibrahim menyampaikan sijil kepada pengarah Jabatan Pembangunan dan Pemasaran Fasiliti USIM, Ir. Daim Saian.

Mohd. Yusof berkata, apabila siap kelak, hospital USIM akan turut menempatkan Fakulti Pergigian yang mempunyai peralatan canggih.

“Kita mahukan sebuah bangunan yang moden bagi hospital tersebut iaitu menjimatkan kos dan perbelanjaan itu boleh diguna untuk membeli peralatan perubatan yang terkini,” katanya.

Setakat ini seramai 400 pelajar mengikuti pengajian di Fakulti Perubatan dan Kesihatan dan sekiranya bangunan berkenaan dapat dilaksanakan, ia akan menempatkan 1,000 pelajar dalam satu masa.



HALIZA Ibrahim menyerahkan sijil ISO 9001: 2008 dan MS 1900 : 2005 kepada Ir. Daim Saian sambil disaksikan oleh Mohd. Yusof Noor (tengah) pada majlis Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2009 di Nilai, semalam.